

Najib pengerusikan mesyuarat MT Umno di Parlimen
Malaysian Insider
Nov 24, 2015

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak hari ini mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno yang diadakan di Parlimen, hari ini.

Najib yang juga Presiden Umno tiba pada jam 6 petang, sementara anggota MT yang lain termasuk Naib Presiden Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi tiba lebih awal.

Bagaimanapun, kelibat Timbalan Presiden Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Naib Presiden Datuk Seri Mohd Shafie Apdal tidak kelihatan.

Mesyuarat yang diadakan lebih awal daripada tarikh asal difahamkan bertujuan membincangkan persiapan bagi Perhimpunan Agung Umno 2015 bulan depan.

Pada Ahad, Setiausaha Agung Umno Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor menyatakan mesyuarat berkenaan diadakan di Parlimen, berbanding kelazimannya di Ibu Pejabat Umno di Menara Dato' Onn bagi memudahkan anggota MT Umno yang juga adalah anggota Parlimen.

Mesyuarat itu juga dipercepatkan dari tarikh asal 27 November berikutan Perhimpunan Agung Umno yang semakin hampir selain terdapat permintaan daripada anggota MT yang tidak dapat hadir pada tarikh asal itu.

Seperti kebiasaan mesyuarat itu mendapat liputan meluas media yang menanti di luar Bilik Jawatankuasa 2, tempat mesyuarat itu berlangsung. – Bernama, 24 November, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-pengerusikan-mesyuarat-mt-umno-di-parlimen>